

KOMUNIKASI PELANGGARAN ADAB: SATU ANALISIS KONSEP ADAB AL-ATTAS DALAM DRAMA *AYAM JANTAN AYAM BETINA*

ROZIAH ADAMA

Beijing Foreign Studies University
ekahani@yahoo.com.my

MAS RYNNA WATI AHMAD

Universiti Kebangsaan Malaysia
masryнна@ukm.edu.my

ABSTRAK

Tingkat diri manusia yang terbaik ialah peringkat diri akali, yang mana pada peringkat ini manusia berupaya melakukan penolakan terhadap permintaan diri hayawani yang berpaksikan nafsu keduniaan semata-mata. Sehubungan itu, makalah ini membincangkan bagaimana konsep adab yang disarankan oleh Islam mampu mengupas persoalan nilai dalam teks drama Bidin Subari, *Ayam Jantan Ayam Betina*. Drama yang telah ditulis pada tahun 1974, masih lagi dipentaskan dan dibincangkan hingga ke hari ini. Dengan isu yang masih relevan, Bidin Subari mengangkat permasalahan tentang masyarakat yang sering lupa untuk bertindak dalam batasan adab dan melakukan perkara yang sering bercanggah dengan agama Islam. Hal sedemikian telah mengundang pelbagai permasalahan yang membingungkan. Watak-watak utama drama ini melalui gaya hidup moden yang agak melampau sehingga meyebabkan berlakunya kejahatan moral dan keruntuhan akhlak. Sehubungan itu, dilihat, penulis cuba merungkai natijah pelanggaran adab yang berlaku sehingga watak-watak yang beraksi dalam drama ini menghampiri sifat diri hayawani. Skop perbincangan dalam kajian ini cuba untuk memperjelaskan lagi makna konsep adab dalam kehidupan masyarakat Melayu Islam seperti yang diperhalusi oleh Syed Naquib al-Attas dalam artikel beliau yang dipetik melalui buku yang dihasilkan oleh Wan Mohd. Nor Wan Daud berjudul, *Ilmuan Penyambung Tradisi*. Hasil kajian mendapati bahawa, kemodenan tanpa had akan memberi kesan jangka panjang dalam kehidupan masyarakat. Masalah kekeliruan tentang agama timbul kerana kurang faham makna dan landasan agama Islam dan konsep adab yang sebenarnya.

Kata kunci: adab; akali; *Ayam Jantan Ayam Betina*; hayawani; kejahatan sosial

COMMUNICATING THE LOSS OF ADAB: A DISCOURSE ANALYSIS ON AL-ATTAS' CONCEPT OF ADAB IN THE PLAY *AYAM JANTAN AYAM BETINA*

ABSTRACT

It is the nature of man to be equipped with two souls namely; the first one is described as the animal soul (*al-nafs al-hayawaniyyah*) and the other one as the rational soul (*al-nafs al-natiqah*). Therefore, in Islam, it is required that man must place his *aql* first than his animal instinct to achieve a proper balance of life in this world and the world hereafter. It is set by the religion, and generally that is the basic concept of *adab* for any man to follow strictly. This article will discuss on the ways in which how *adab* as a concept works within the parameters of human ethics to achieve a balance life, which clearly could be seen in the play, *Ayam Jantan Ayam Betina* by Bidin Subari. The play was written in 1974, and the issues highlighted are still prevalent. His play focuses on the situations when Malay Muslims, especially, shied away from the guideline of *adab* that is supposed to be adhered to. This has resulted a chaotic moment, thus indicated the playwright's concerns. The depiction of a wealthy and westernized lifestyles had left the characters to be drifting away from the real teachings of Islam and they are depicted to be experiencing the loss of *adab*. The scope of discussion in this paper will focus on the definition of *adab* and how it is to be found common in Malay Muslim's ideal practice through the lens of Syed Naquib al-Attas, in the book, *Ilmuan Penyambung Tradisi* edited by Wan Mohd. Nor Wan Daud. It is to be found that, moral and religious decadence in the society are due to the lack of understanding on the concept of Islam hence the concept of *adab* is not truthfully applied.

Keywords: *adab*; animal soul; *Ayam Jantan Ayam Betina*; moral decadence; rational soul

PENGENALAN

Konsep adab menurut Al-Attas merupakan satu konsep yang bersifat putaran dan saling bertautan dalam hidup manusia iaitu hakikat manusia mempunyai perhubungan dengan setiap perkara yang terzahir mahupun bersifat metafizik. Hubungan itu meletakkan manusia ke satu darjat yang tinggi dengan syarat menjadikan adab sebagai satu amalan hakiki dalam kehidupan. Adab mampu membentuk peribadi muslim yang tulus berbanding insan lain, malah adab jugalah yang membezakan antara manusia dan haiwan. Sebagaimana yang dikatakan oleh Naquib Al-Attas bahawa manusia mempunyai dua peringkat dalam dirinya iaitu diri akali dan diri hayawani. Kedua-dua peringkat inilah yang menentukan sejauh mana manusia mampu mengawal corak berfikir dan bertindak tanpa melanggar fitrah manusia.

Tingkat diri manusia yang terbaik ialah peringkat diri akali, pada peringkat ini manusia berupaya melakukan penolakan terhadap permintaan diri hayawani yang berpaksikan nafsu keduniaan semata-mata. Bagaimana meletakkan diri dalam ranah diri akali ialah dengan kembali memegang tali adab yang disarankan oleh Naquib Al-Attas sebagaimana terkandung dalam ajaran agama Islam. Oleh yang demikian, makalah ini akan membicarakan persoalan adab dengan menjadikan teks drama *Ayam Jantan Ayam Betina* karya Bidin Subari untuk melihat pelanggaran adab yang berlaku. Makalah ini juga akan merungkai natijah pelanggaran adab

yang berlaku dalam teks ini sehingga watak-watak yang beraksi menghampiri sifat diri hayawani. Setiap watak mendedahkan diri kepada sifat-sifat mazmumah dan menzalimi diri sendiri. Melalui artikel Al-Attas 'Ilmu Penyanggung Tradisi' oleh Wan Nor Wan Daud, Menurut Syed Naquib Al Attas (2012:45):

“Adab adalah pengenalan dan pengiktirafan tentang hakikat bahawa ilmu dan kejadian telah disusun dengan tertib mengikut darjat dan martabatnya. Adab juga berkaitan dengan kedudukan seseorang dalam hubungannya dengan hakikat itu serta berdasarkan kepada daya dan potensi jasmani, akal dan rohnya.”

Premis berkenaan membuktikan hakikat kewajaran hidup manusia memiliki adab dalam diri kerana adab membentuk keperibadian yang mulia dalam menjalin hubungan dengan manusia dan makhluk Allah S.W.T yang lain. Pembentukan adab juga dikaitkan dengan pengisian ilmu dalam diri manusia, ilmu bertanggung jawab memandu akali manusia ke arah kebaikan yang hakiki.

Tuntasnya, adab merupakan perkara tunggak dalam pemurnian sifat manusia dan lebih tepat adab mampu menentukan jatuh bangun umat Islam masa kini. Penggarapan adab yang lemah dan penguasaan diri hayawani akan melemahkan sesebuah institusi khususnya institusi kekeluargaan sebagaimana yang berlaku dalam teks drama *Ayam Jantan Ayam Betina*.

OBJEKTIF

Esei ini akan mengungkap konsep adab yang disarankan dan dikembangkan oleh Naquib Al-Attas. Pemahaman yang mendalam mengenai konsep adab ini akan membawa kepada matlamat iaitu tanpa adab kehidupan manusia tidak ubah seperti haiwan yang berpaksikan nafsu semata-mata. Teks drama *Ayam Jantan Ayam Betina* karya Budin Subari merupakan contoh terbaik teks drama yang memaparkan pelanggaran adab yang berlaku.

Ayam Jantan Ayam Betina sebagai sebuah teks yang membawa tema kekeluargaan memperlihatkan faktor-faktor berlaku kebejatan adab setiap anggota keluarga yang diterajui oleh suami dan ayah yang lemah. Situasi itu mendorong kepada pelbagai konflik yang menjengkelkan dan tidak mempunyai kesudahannya lantaran sifat diri hayawaniyah menguasai setiap watak. Sesuai dengan tajuk teks ini iaitu *Ayam Jantan Ayam Betina* memberikan perlambangan kehidupan manusia yang tidak ubah seperti haiwan, hidup tanpa panduan adab dan undang-undang.

Sebagaimana yang dijelaskan oleh Naquib Al-Attas kepentingan perkaitan konsep adab dan ilmu untuk membentuk insan yang bermoral dan baik, maka esei ini akan memperlihatkan kegagalan watak-watak memupuk ilmu menyumbang kepada kealpaan yang berlaku. Dalam hal ini, watak-watak golongan muda adalah mewakili golongan yang tidak mencintai ilmu malah menganggap menuntut ilmu mengekang kebebasan bersosial.

Esei ini juga akan memperlihatkan ketaksuban insan kepada kemodenan menyebabkan adab, nilai-nilai agama dan tradisi Melayu terpinggir. Penerimaan melulu terhadap modenisasi diterjemahkan dalam bentuk pemikiran dan tindakan oleh watak-watak tua dan muda dalam teks ini.

BATASAN KAJIAN

Kajian ini menjelaskan makna konsep adab dalam kehidupan umat Islam yang disarankan oleh Naquib Al-Attas. Di samping melihat faktor-faktor yang menyebabkan berlaku pelanggaran

adab dalam teks *Ayam Jantan Ayam Betina* karya Bidin Subari. Didapati pemikiran moden dan gaya hidup moden yang keterlaluan menyebabkan berlaku kebejatan moral dan kegagalan komunikasi dalam teks *Ayam Jantan Ayam Betina*. Perlanggaran adab terhadap diri, penolakan ilmu, materialisme, pergaulan adalah faktor menyebabkan cetusan konflik yang sukar diselesaikan sehingga ke penghujung cerita. Watak-watak tenggelam dalam sifat diri hayawani sehingga sukar membuat keputusan berlandaskan akali.

METODOLOGI KAJIAN

Esei ini akan menggunakan konsep adab yang disarankan dan dikembangkan oleh Naquib Al-Attas. Namun menggunakan teks *Ayam Jantan Ayam Betina* karya Bidin Subari akan melihat berlakunya perlanggaran adab terhadap konsep adab yang disarankan oleh Naquib Al-Attas. Beliau telah menggariskan konsep adab yang sistematik dan boleh dicontohi oleh insan, perakuan kepada adab ini adalah berlandaskan pemilikan ilmu dalam diri insan dan keupayaan mengawal sifat diri hayawani yang membawa kepada sifat mazmumah. Menurut al-Attas, secara dasarnya, adab itu mempunyai teras yang amat erat dengan ilmu (*'ilm*), kebijaksanaan (hikmah), keadilan (*'adl*) dan kebenaran (*haqq*). Oleh yang demikian manusia yang mempunyai adab mesti memiliki ilmu dan mengakui hak dan kedudukan itu dengan perbuatan (*'amal*) (Nor Asma Ab Aziz dan Norizam Jamian (2016: 50-66).

Perbicaraan adab menurut Naquib Al-Attas begitu saujana sifatnya dan merangkumi beberapa perkara antaranya adab terhadap diri sendiri, adab terhadap orang lain, adab terhadap ilmu, adab terhadap alam tabii, adab terhadap alam sejagat, adab terhadap bahasa dan adab terhadap kerohanian. Melihat kepada garis panduan adab inilah yang akan dihubungkan dengan pelanggaran adab dalam teks *Ayam Jantan Ayam Betina*.

Konsep Adab dan Peradaban

Peradaban adalah ukuran keadaan kehidupan manusia bermasyarakat yang telah mencapai kehalusan tatasusila dan kebudayaan yang tinggi bagi seluruh masyarakatnya. Sehubungan itu, bagi mencapai satu tingkat kebahagiaan yang sepenuhnya, al-Attas ada menyebutkan bahawa, bagi seseorang manusia itu ingin mencapai suatu bentuk kebahagiaan yang sempurna, manusia haruslah menepati amalan yang dituntut oleh agama untuk kebahagiaan di dunia dan diakhirat (Mas Rynna, 2015). Dengan konsep ini, akan membentuk manusia untuk bijak mengawal nafsu haiwan dan lebih memfokuskan kepada kebaikan akal budi untuk membina suatu peradaban yang mulia. Ketinggian peradaban itu diukur pada fizikal dan metafizik, yang terzahir dan tidak terzahir khususnya merujuk kepada ketinggian akal budi dan kemajuan daripada segi pembangunan perbandaran. Kehalusan tatasusila adalah kemajuan pemikiran manusia meninggalkan corak berfikir secara primitif dan jumud serta meletakkan manusia dalam ranah kemuliaan. Manusia tidak lagi hidup dalam keadaan liar dan nomad tetapi kecenderungan membina kehidupan yang lebih baik. Landasan utama manusia ialah ke arah pembentukan moral dan kebenaran ilmu.

Adab menurut *Kamus Dewan* (2010: 7) bermakna tingkah laku serta tutur kata, budi bahasa atau budi pekerti yang halus. Adab datangnya daripada perkataan Arab dan dalam Islam, adab membawa makna yang lebih besar, termasuk tatacara atau perilaku dalam menunaikan amalan agama seperti solat. Maka itu adab mempunyai makna istimewa dalam masyarakat Melayu dan Islam.

Naquib Al-Attas telah membawa idea mengenai konsep adab dengan memberikan huraian sistematik dan menyeluruh. Menurut Wan Mohd Noor (2012: 46), kewujudan adab dalam diri manusia merupakan perkara yang telah ditetapkan sejak azali lagi. Namun akibat kejahilan manusia dan keangkuhan manusia menyebabkan berlaku pengabaian terhadap kepentingan adab sehingga berlaku kezaliman. Adab juga berkait rapat dengan ilmu pendidikan iaitu bagi melahirkan insan yang baik dan mulia. Oleh itu, pengisian ilmu dalam diri akan mempengaruhi amal perbuatan manusia. Konsep-konsep adab terangkum dalam perkara-perkara berikut: adab terhadap diri sendiri, adab terhadap insan lain, adab terhadap ilmu, adab terhadap alam tabii, adab terhadap alam kerohanian dan adab terhadap bahasa.

Adab Terhadap Diri Sendiri

Pancaran adab akan menghiasi diri insan apabila seseorang insan mengenali dirinya yang terangkum dua aspek esa atau satu. Pertama, aspek yang zahir iaitu jasad yang mengandungi sifat hayawani, dan kedua, aspek yang batin iaitu roh yang membawa sifat akali. Aspek jasad yang terangkum diri hayawani atau jiwa haiwan akan membawa kepada sifat-sifat tercela atau mazmumah. Jiwa hayawani didorong oleh daya kebolehan syahwat dan daya kemarahan yang sukar dikawal. Manakala sifat akali mempunyai daya kebolehan mentadbir diri dan badan insan agar menghasilkan sikap yang berakhlak dan mahmudah (terpuji). Diri akali boleh mentadbir dan mengawal diri hayawani dan meletakkan dirinya di tempat yang wajar, tetapi sekiranya gagal mengawal diri hayawani akan berlaku kezaliman terhadap diri sendiri.

Adab Terhadap Insan Lain

Adab dicitra dalam perhubungan manusia sesama manusia iaitu setiap insan hendaklah menjaga adab dalam perhubungan agar tidak mengarah kepada kebejatan komunikasi sehingga menimbulkan konflik perhubungan. Adab perhubungan sesama merujuk kepada norma-norma pergaulan yang berakhlak dalam hidup bermasyarakat berlandaskan kedudukan seseorang. Percikan adab terjelma dalam perhubungan dalam institusi kekeluargaan dan masyarakat mengikut kedudukan dan tidak menurut ukuran kekayaan dan keturunan. Ukuran itu berlandaskan mengikut Quran seperti ilmu, kepintaran dan budi pekerti. Seseorang insan yang berakhlak, secara bijak mengetahui bagaimana cara beradab terhadap ibu bapa, adik-beradik, orang tua, kanak-kanak, jiran dan pemimpin masyarakat. Keupayaan memperlihatkan adab yang tinggi terhadap orang lain menunjukkan kesedaran diri akali insan dan kejayaan mengawal diri hayawani dalam perhubungan.

Adab Terhadap Ilmu

Dalam konteks ilmu, insan yang beradab terhadap ilmu adalah insan yang dapat memahami dan meletakkan sesuatu pada tempatnya, sesuai dengan harkat dan martabat yang ditentukan oleh Allah S.W.T. Oleh sebab itu dalam Islam, perbezaan martabat insan bergantung kepada keimanan dan ketakqwaannya. Misalnya martabat seorang manusia tidak sama dengan martabat haiwan, kerana manusia dikurniakan akal fikiran yang lebih baik daripada haiwan yang mengutamakan nafsu yang tidak terikat kepada hukum hakam agama.

Di samping itu, ilmu yang bersumberkan wahyu adalah ilmu yang benar dan mampu memberi hidayah diberi keutamaan berbanding ilmu yang berasakan akal. Ilmu yang bermanfaat

akan membimbing manusia ke arah kebaikan dan meninggalkan kebatilan. Dalam hal ini, adab dalam menuntut ilmu salah satunya ialah memuliakan dan menghormati guru atau para ilmuan yang memberikan ilmu.

Adab Terhadap Alam Tabii

Konsep adab terhadap alam tabii bermaksud setiap insan wajar mempunyai penghormatan terhadap unsur-unsur alam dan haiwan yang diciptakan Allah S.W.T waima alam dan haiwan itu tidak mempunyai kemampuan untuk bersuara tetapi sebagai insan wajar meyakini bahawa alam juga makhluk bernyawa dan hidup mengikut fitrahnya. Setiap makhluk yang diciptakan Allah S.W.T mempunyai haknya yang wajar diperakui oleh manusia.

Adab Terhadap Alam Kerohanian

Adab terhadap alam kerohanian bermakna mengenali dan memperakui tingkat kewujudan selepas alam roh. Kehidupan manusia tidak tamat selepas berlakunya kematian iaitu wujudnya alam barzakh. Kehidupan di alam barzakh mempunyai tingkat-tingkat tertentu mengikut ibadah dan amal soleh semasa di dunia. Hasil keyakinan dan kepercayaan itu mendorong insan agar meletakkan diri hayawani di bawah kawalan diri akali dan kawalan itu memandu diri hayawani ke arah kebaikan dengan meninggalkan kebatilan.

Adab Terhadap Bahasa

Adab terhadap bahasa ialah dengan menjaga adab ketika mengeluarkan kata-kata mahupun secara lisan atau tulisan. Kepentingan menjaga adab berbahasa ini mencerminkan keperibadian muslim yang menghormati orang lain dan mengelakkan berlakunya perbuatan menyinggung perasaan orang lain. Kata-kata kesat dan mencela dikhuatiri akan membawa kepada konflik dan memutuskan silaturahim sesama umat Islam. Demikian juga halnya dalam adab dalam penulisan, seorang penulis wajar memahami penulisan bukan sekadar menulis pendapat tetapi juga wajar diiringi sifat akali agar penulisan tidak menyumbang kepada kebatilan dan menyesatkan orang lain yang membacanya.

PERLANGGARAN ADAB DALAM AYAM JANTAN AYAM BETINA KARYA BIDIN SUBARI

Ayam Jantan Ayam Betina merupakan teks drama imperatif yang meletakkan khalayak pembaca dalam ranah persoalan-persoalan tergantung memikirkan peleraian yang seharusnya berlaku kepada watak-watak yang berkonflik. Melibatkan tiga buah keluarga yang berkonflik mempertikaikan soal moral anak-anak dan darjat dalam perkahwinan. Bidin Subari dalam nada sinis dan komedi memperlihatkan satu fenomena pelanggaran adab yang berlaku dalam ketiga-tiga keluarga yang berkonflik. Secara ringkas, drama *Ayam Jantan Ayam Betina* membentangkan perihal masalah perbezaan darjat yang menghalang perkahwinan dan percintaan anak-anak remaja. Teks yang dihasilkan sekitar tahun-tahun 1970-an ini turut memperlihatkan arus kemodenan telah mempengaruhi cara berfikir muda dan tua pada dekad

itu. Natiyahnya pengekalannya tradisi Melayu dan unsur keislaman begitu longgar penekanannya dan memberikan impak kebejatan moral yang kritikal.

Bidin Subari sebagai dramatis yang hidup dalam ruang perbandaran dan kemodenan melihat sendiri keruntuhan moral anak-anak bandar lalu diterjemahkan dalam drama. Beliau dikesan berhasrat menjadikan drama-dramanya sebagai drama realisme protes iaitu memprotes gejala kemodenan yang menyumbang kepada keruntuhan akhlak masyarakat. Penerimaan kemodenan tanpa tapisan menyebabkan berlakunya konflik yang tidak berkesudahan, dalam hal ini juga membuktikan kebejatan moral dan pelanggaran adab yang berlaku dalam institusi keluarga akan memberikan natijah negatif yang berpanjangan.

Teks *Ayam Jantan Ayam Betina* bukan sekadar bersifat *open ended* tetapi juga diolah oleh Bidin Subari dengan perlambangan yang mudah difahami oleh khalayak pembaca. Judul drama *Ayam Jantan Ayam Betina* secara langsung melambangkan sifat diri hayawani yang berlegar-legar dalam teks *Ayam Jantan Ayam Betina*. Sifat ayam jantan dan ayam betina itu diwakili oleh watak Ani, Kadir, Samson dan Rohana sebagai golongan muda dan Rahim, Midah, Tuan Dollah dan Kesum mewakili golongan tua dalam drama ini. Hal ini terserlah dalam dialog Rahim dan Midah mengenai sikap anak-anak mereka yang tidak ubah seperti perangai ayam jantan dan ayam betina yang tidak mempunyai pegangan adab dan undang-undang. Bidin Subari memberikan gambaran tabiat ayam jantan yang suka *'menggesel-gesel'* ayam betina untuk tujuan mengawan. Demikian juga halnya dengan tabiat ayam betina yang mudah terpaut kepada kejantanan ayam jantan dan sewenang-wenangnya menyerah diri. Berdasarkan tabiat ayam jantan dan ayam betina itulah teretusnya perlambangan yang begitu sinonim dengan sikap anak-anak remaja ketika itu yang berlanjutan sehingga zaman ini.

Modenisasi Penyumbang Pelanggaran Adab

Menurut *Kamus Dewan* (2010: 1039), modenisasi bermaksud perbuatan (usaha, kegiatan dan sebagainya) menjadikan sesebuah negara atau institusi kekeluargaan meresapi adat, cara hidup, kelakuan, cara berfikir orang Barat. Mengikut Wan Abdul Kadir (2007: 49), pemodenan yg berasaskan tamadun Barat ini mengakibatkan proses urbanisasi, perindustrian dan modenisasi daripada pelbagai sudut ruang lingkup kehidupan manusia. Kemodenan juga merujuk kepada peralihan daripada tradisi kepada sesuatu yang baharu dan bertentangan dengan bentuk dan nilai-nilai sosial orang Melayu tradisional. Kemodenan yang bertunjangkan acuan Barat, telah menimbulkan kecelaruan dalam fahaman dan pegangan masyarakat Melayu kerana konsep adab dan kebahagiaan hidup itu sendiri bercanggah dengan apa yang disarankan oleh Islam yang sebenar. Pemodenan mengikut perspektif Barat adalah fokusnya hanya pada usaha sendiri. Barat tidak memandang adab itu penting, bahkan kebahagiaan hidup itu hanya semata-mata dilihat atas kejayaan memperoleh apa yang dicitakan dalam hidup atas usaha dan pilihan seseorang sahaja. Tiada unsur adab, agama dan juga nilai moral yang menjadi faktor untuk seseorang itu mencapai hidup yang sempurna. Itu adalah cara hidup yang sekular, dan Islam menentang keras akan pegangan ini.

Sebagai orang Melayu Islam, adalah mesti kita mengikuti landasan yang disarankan oleh agama dan nilai-nilai moral yang luhur (Mas Rynna, 2016). Menyedari akan pentingnya adab dan agama dalam nilai hidup orang Melayu Islam sejak dari dulu lagi, Wan Abdul Kadir (2007: 46) menyebutkan bahawa, orang-orang Melayu amat menekankan nilai-nilai sosial dalam membina keseimbangan dan kestabilan. Bagi menjaga kepentingan bersama mereka berusaha mengambil tahu atau membetulkan kesilapan atau penyelewengan yang berlaku dalam

masyarakat. Ibu bapa amat menekankan tentang pentingnya nilai-nilai sosial dan setiap anggota dalam masyarakat berusaha menjaga tingkah laku agar tidak memperlihatkan keburukan tentang dirinya. Seseorang yang melakukan penyelewengan bukan sahaja merosakkan nama baik dirinya tetapi juga memaparkan kelemahan ibu bapa dalam mendidik anak-anak mereka. Oleh itu, bagi masyarakat Melayu tradisional adalah menjadi tanggung jawab setiap anggota untuk menjaga tutur kata dan tingkah laku untuk mengelakkan konflik. Dalam hal ini, orang Melayu tradisional sejak kecil telah diberi penekanan mengenai hubungan sosial yang perlu dijaga dan dipupuk. Adab menghormati orang tua, adab berjiran, adab menjaga tutur kata, berbudi bahasa, rasa malu, sopan santun, kerjasama dan sebagainya merupakan antara penekanan yang diberikan dalam masyarakat Melayu tradisional. Namun arus kemodenan sedikit demi sedikit mula menghakis nilai-nilai tradisi tersebut digantikan dengan sikat terbuka. Kemodenan itu telah mengubah pelbagai sistem termasuklah gaya hidup dan berfikir masyarakat Melayu.

Hakikatnya modenisasi di Malaysia terhasil daripada sistem penjajahan Barat yang telah bertapak sejak kejatuhan Melaka pada 1511. Selama 400 tahun, orang tempatan khususnya orang Melayu telah didedahkan dengan produk budaya dan cita rasa Barat secara langsung (Ismail Abdullah, 2009: 47). Dalam hal ini, menunjukkan penjajahan Barat telah membawa transformasi dalam budaya fizikal atau material, pembangunan ekonomi, sosial dan sistem politik malah kemajuan sains teknologi acap kali dikaitkan dengan Barat. Pihak Barat telah mempasakkan kemajuan secara material dengan pembinaan dan pembangunan bandar moden yang bercirikan bangunan Inggeris dan dibina mercu tanda yang akan terus diingati.

Corak pentadbiran politik juga diubah mengikut acuan pentadbiran Barat sehinggalah kepada pemerian gaya hidup yang berpaksikan gaya hidup Barat yang mementingkan individualisme dan materialisme. Secara tidak langsung, pemikiran gaya moden menghakis nilai-nilai tradisi Melayu dan nilai kesucian agama Islam. Pemaparan gaya hidup moden dianggap lebih bertamadun, gah dan dibangga-banggakan oleh orang Melayu yang sewenang-wenangnya menerima modenisasi tanpa tapisan.

Penjajahan Barat lebih meluas dan mendalam dalam pemikiran masyarakat Melayu. Budaya pergaulan bebas, muzik, fesyen dan sebagainya begitu mudah menyerap dalam pemikiran orang Melayu sehingga menyumbang kepada kerosakan akhlak. Sebagaimana yang dibincangkan mengenai penghasilan teks *Ayam Jantan Ayam Betina*, Bidin Subari dijentik oleh masalah keruntuhan moral yang berlaku dalam kalangan masyarakat bandar. Oleh yang demikian, teks *Ayam Jantan Ayam Betina* secara terang memperlihatkan arus kemodenan mempengaruhi pemikiran dan tindak tanduk watak-watak yang beraksi khususnya golongan remaja yang diwakili oleh watak Ani, Samson, Kadir dan Rohana. Hasil arus modenisasi yang melanda, watak Ani, Samson, Kadir dan Rohana telah melanggar adab dan tatasusila sebagai remaja Islam. Perlanggaran adab itu tercipta dalam cara berfikir dan bertindak mereka.

Materialistik

Sifat materialistik merupakan antara budaya berfikir Barat yang menguasai pemikiran orang Melayu. Penguasaan pemikiran ini melahirkan penolakan terhadap nilai-nilai agama Islam, pandangan hidup orang Barat hanyalah semata-mata bersifat materialistik yang mengarah kepada keduniaan sepenuhnya. Menurut Abul A'la Maududi (1984: 27), hampir semua cendekiawan Barat mengingkari adanya kehidupan di kehidupan duniawi. Bagi mereka kehidupan adalah untuk mengejar keseronokan duniawi sehingga ke puncak yang tidak diketahui penghujungnya.

Perlakuan mereka jelas bersifat materialistik yang dikuasai oleh sifat diri hayawani yang mengutamakan tuntutan nafsu. Dalam hal ini, Ani dan Kadir adalah remaja yang memandang keduniaan, kegemaran mereka berhibur dan menghabiskan wang dengan membeli pakaian mahal, minyak wangi berjenama, hiburan dan perkara-perkara yang kurang memberi manfaat. Cinta kepada kebendaan, keseronokan dan keduniaan yang keterlaluan menyebabkan adab terhadap diri sendiri terhakis lantas berlaku kezaliman terhadap diri kerana terpaksa tunduk terhadap nafsu yang bersifat haiwan.

Budaya materialistik ini turut terpancar dalam diri Tuan Dollah, Kesum, Tuan Mansur dan Samson yang bangga dengan status, darjat dan kekayaan yang mereka miliki sehingga menghina keluarga Rahim sebagai keluarga yang tidak mempunyai kemajuan pemikiran selain miskin dan tidak setaraf dengan kehidupan mereka. Bagi mereka wang boleh melakukan apa sahaja malah menyingkirkan undang-undang. Sebagaimana yang terkandung dalam dialog Tuan Dollah.

DOLLAH : (*Garang dan Sombong*) Duit saya boleh jadi undang-undang. Pengaruh saya lebih dari segala-galanya. Duit saya boleh mengajar orang bercakap. Duit saya boleh menyuruh orang diam. Dia boleh padamkan undang-undang. Dia boleh hidupkan undang-undang. Tapi sekarang lebih baik awak cakap. Di mana anak saya tu? (*ketika itu muncul Kadir*). Hah, ini dia ayam jantan celaka tu!

(*Ayam Jantan, Ayam Betina, 1974: 231*)

Budaya Pergaulan Bebas

Sebagaimana dialog yang diluahkan oleh Ani kepada ayahnya, Rahim menegah daripada bercuti ke Port Dickson bersama teman lelakinya. Bagi Ani sebagai remaja tidak menjadi kesalahan mengecapi keseronokan dan bergaul bebas.

ANI: (*Merungut manja*). Alah ayah ni. Kolot sangat. Dah moden macam ni pun ayah masih nak melarang jugak. Apa salahnya Ani berjalan-jalan dengan budak jantan? Bukannya Ani nak buat tak baik.

(*Ayam Jantan, Ayam Betina, 1974: 133*)

Kata-kata Ani merupakan citraan pemikiran moden yang tidak lagi memegang kepada nilai dan tradisi gadis Melayu yang menuntut anak gadis menjaga maruah diri dan mengelak berdampingan dengan lelaki yang bukan mahram. Pergaulan antara lelaki dan perempuan tidak lagi menjadi batasan sehingga membimbangi Rahim tetapi tidak mampu melakukan apa-apa selain menuruti kehendak Ani. Pengagungan terhadap budaya modenisasi turut terlihat kepada kebebasan cara Ani berpakaian. Ani meminta wang daripada Rahim untuk membeli bikini yang akan dipakai ketika berkelah di Port Dickson.

ANI: Dua belas ringgit tu murah, ayah. Yang dua puluh empat ringgit pun ada. Ayah bukannya tak tahu, baju mandi perempuan memang mahal.

(*Ayam Jantan, Ayam Betina, 1974: 135*)

Budaya berpakaian mencolok mata merupakan acuan daripada budaya Barat yang bangga mempamerkan tubuh badan kepada umum tanpa rasa segan dan silu. Demikian juga dengan sikap Kadir yang menggemari muzik Barat dan tidak mahu lagi mendengar muzik tempatan, penguasaan budaya muzik Barat terhadap fikrah anak-anak muda menyebabkan

berlaku pembaziran. Contohnya Kadir yang sanggup membelanjakan wang sebanyak tiga puluh ringgit semata-mata untuk menggantikan tali gitar, Kadir enggan menerima alasan Rahim mengatakan tidak mempunyai wang. Kadir terus mendesak sehingga Rahim mengalah dan menyerahkan wang, kemenangan Kadir merupakan kemenangan pemikiran materialistik yang dibawa oleh Barat.

Kebejatan Komunikasi Keluarga

Keindahan nilai tradisi orang Melayu dan penerapan ajaran agama Islam begitu indah. Oleh sebab itulah setiap daripada insan mempunyai hak untuk dihormati mengikut susuan martabatnya. Dalam hal ini, berlaku pelanggaran adab terhadap ibu bapa melalui komunikasi yang dilakukan oleh Ani dan Kadir. Watak Ani dan Kadir dijelmakan sebagai anak-anak zaman moden yang gagal dalam pembentukan adab terhadap ibu bapa. Corak komunikasi mereka juga tanpa sempadan iaitu tanpa mengira taraf dan pangkat dalam keluarga. Dalam hal ini Bidin Subari dengan bijak telah memberi tanda dan petanda kebejatan adab anak-anak yang tidak didik dengan adab menurut acuan agama Islam dan mengikut nilai tradisi orang Melayu akan mendatangkan aib dan cela kepada keluarga. Individu yang hidup dalam keluarga yang tidak mengamalkan cara hidup yang berakhlak, maka jiwanya akan terdidik dengan tingkah laku, tutur kata dan gaya hidup yang tidak baik.

Rahim dan Midah juga turut dilihat sebagai ibu bapa yang gagal dalam mendidik anak-anak mengikut lunas-lunas keislaman, cara mereka berkomunikasi begitu kesat dan kasar. Bahasa-bahasa yang tidak enak didengar dilontarkan sesuka hati, walaupun ada kala menimbulkan kelucuan tetapi natijahnya begitu mendalam. Perkataan *bangang*, *bodoh*, *kurang ajar*, *hoi* dan *bangsat* diluahkan sewenang-wenangnya sehingga melenyapkan tradisi berbahasa orang Melayu yang mementingkan kehalusan budi pekerti dan penggunaan bahasa berlapik.

Perlanggaran adab dalam berbahasa terlihat kepada dialog Rahim terhadap Ani ketika meminta wang untuk membeli baju mandi.

RAHIM: Dua belas ringgit tu tak mahal? Aku nak tukar seluar dalam sebulan satu pun payah. Kau sedap-sedap saja nak beli baju mandi yang harganya dua belas tu ia? Baju yang cuma menutup bengkak dada kau tu. Tutup alur punggung kau yang terselit tu?

(*Ayam Jantan, Ayam Betina*, 1974: 135)

Luahan kata-kata Rahim amat tidak bersesuaian kerana agama Islam telah menggariskan adab berkomunikasi dengan anak-anak hendaklah menggunakan kata-kata yang menyenangkan agar pemupukan rasa hormat sentiasa berpanjangan. Malah dalam ajaran agama Islam menuntut umatnya menjaga kata-kata agar tidak berkata sesuatu yang mendukacitakan orang lain, tidak meniru percakapan orang yang jahil iaitu percakapan yang memperlihatkan kelemahan diri sendiri, tidak mengumpat dan memfitnah.

Komunikasi antara suami isteri dalam teks *Ayam Jantan Ayam Betina* ini juga turut gagal dan tidak mencerminkan adab berbahasa yang wajar dipamerkan oleh orang tua. Kegagalan ini menyebabkan peranan Rahim seorang ayah sebagai pemimpin begitu lemah, begitu juga dengan peranan Midah sebagai ibu yang tidak berjaya membentuk keperibadian anak-anak menurut acuan agama dan tradisi orang Melayu.

MIDAH: Helah awak saja. Kalau begitulah sikap awak di pejabat, memang padan jugalah awak ini duduk jadi kerani cabuk. Dengan orang besar pun awak takut nak

bercakap. Macam mana nak maju? Tak berani nak keluarkan fikiran. Angguk-angguk macam burung belatuk.

(*Ayam Jantan, Ayam Betina*, 1974: 176)

Dalam situasi tersebut, Midah menampelak Rahim yang tidak berani menentang kata-kata Tuan Dollah yang menuduh Kadir ‘menceroboh’ anak gadisnya dengan memberikan *good night kiss*. Dalam hal ini, kata-kata Midah mampu mencabar maruah Rahim sebagai suami namun kerana kelemahan dalam soal kepimpinan Rahim mengalah dan membiarkan Midah terus memperlekehkan sikapnya.

Penolakan Terhadap Ilmu

Sebagaimana yang dikatakan oleh Wan Mohd. Nor Wan Daud, adab terhadap ilmu akan menghasilkan kaedah yang wajar dan betul dalam proses pembelajaran dan pengamalan pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Dalam sebuah hadis Rasulullah S.A.W ada menyebut bahawa sekiranya Allah S.W.T ingin memberikan hambanya kebaikan, maka Allah S.W.T akan memberikannya kefahaman dalam agama. Perkara ini yang harus dikejar oleh setiap muslim agar dekat kepada kebaikan yang dijanjikan oleh Allah S.W.T dengan menuntut ilmu. Sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

Sesiapa yang dikehendaki oleh Allah S.W.T baginya akan kebaikan, nescaya Allah S.W.T akan memberinya kefahaman dalam agama.

(HR Bukhari dan Muslim)

Dalam hal ini jelas menunjukkan Islam amat mementingkan ilmu dalam kehidupan. Keberkatan menuntut ilmu akan memberikan manfaat kepada manusia kerana sifat ilmu mengembangkan pemikiran dan meninggalkan kebatilan. Namun apa yang berlaku dalam *Ayam Jantan Ayam Betina* adalah sebaliknya, Ani dan Kadir adalah generasi muda yang menolak kepentingan ilmu. Pemikiran mereka telah dihambat oleh hiburan dan keseronokan duniawi, misalnya Kadir yang tidak berminat belajar walaupun didesak oleh Rahim, minatnya hanya kepada muzik dan bermain gitar.

KADIR: (*merungut lagi*). Nak belajar macam mana lagi ayah? Saya ni sememangnya bodoh. Bongok macam yang ayah katakan tadi. Kalau diturunkan guru dari langit atau ayah tempah guru dari langit ketujuh sekalipun, takkan berubah otak saya ni. Otak saya ni lain fesyen sikit. Lima minit boleh ingat, lebih dari itu angin saja yang dapat, ayah.

(*Ayam Jantan, Ayam Betina*, 1974:153)

Luahan kata-kata oleh Kadir menunjukkan sikap generasi muda yang begitu kritikal kerana menolak kepentingan menuntut ilmu. Bagi Kadir, menuntut ilmu tidak memberikan apa-apa kesan kepada dirinya waima diajar oleh guru-guru yang hebat, perkara yang hebat baginya hanya bermain gitar rancak dan berhibur tanpa sekatan. Perkara yang sama turut berlaku kepada Ani yang gemar berfoya-foya dan meminta wang daripada Rahim tanpa memikirkan keperluannya. Rahim tidak dapat menolak kehendak Ani tetapi hanya mampu mengeluarkan keluhan. Situasi yang berlaku antara Rahim dan anak-anaknya menunjukkan penolakan terhadap ilmu menyumbang kepada kejumudan pemikiran yang kritikal.

Pemupukan Diri Hayawani

Keruntuhan moral merupakan reaksi dari pelanggaran adab terhadap diri iaitu pemupukan sifat hayawani yang keterlaluan. Sifat hayawani menjadi punca kepada sifat-sifat tercela mazmumah. Sebagaimana yang dijelaskan, sifat hayawani mengarah kepada dua perkara iaitu kemarahan yang tidak terkawal dan keinginan nafsu syahwat yang tinggi. Natijah daripada kegagalan kedua-dua sifat mazmumah itu diyakini akan mendorong kepada perbuatan menyamai sifat haiwan kerana hanya berpegang kepada kemarahan dan nafsu menyebabkan jatuhnya maruah sebagai umat Islam.

Dalam hal ini, watak Rahim, Midah, Kesum dan Tuan Dollah dikesan sebagai watak-watak yang melakukan pelanggaran adab diri sehingga membiarkan nafsu kemarahan menenggelamkan kesabaran dan ketulusan budi bahasa. Impaknya setiap watak mengeluarkan kata-kata kesat dan kasar untuk melepaskan kemarahan.

MIDAH: (*Marah*). Jaga sikit lidah awak tu Cik Kesum. Karang saya lumur cili. Awak jangan pandai menuduh anak saya tu kurang ajar. Ini rumah saya.

KESUM: (*Tegang suaranya*). Memang anak awak tu kurang ajar!
(*Ayam Jantan, Ayam Betina, 1974:197*)

Konflik keluarga dalam *Ayam Jantan, Ayam Betina* terus memuncak tanpa penyelesaian kerana semua pihak tidak mahu meletakkan diri dalam keadaan tenang, masing-masing ingin menegakkan hak tanpa memikirkan muafakat yang sebenar. Kedua-dua keluarga ini saling menggunakan kekasaran dan kata-kata kesat dalam berbahasa untuk memuaskan hati dan tidak berusaha untuk mencari titik perdamaian.

Kecenderungan meladeni nafsu syahwat menyebabkan berlaku keruntuhan moral dalam diri anak-anak muda dalam *Ayam Jantan, Ayam Betina*. Manusia diciptakan oleh Allah S.W.T dengan nafsu yang mempunyai fungsi tersendiri, dalam hal ini manusia dikurniakan nafsu seks untuk mengembangkan zuriat yang halal melalui pernikahan yang sah. “Sesungguhnya nafsu itu selalu menyuruh kepada kejahatan kecuali nafsu yang diberi rahmat oleh Tuhanku.” (Surah Yusuf: 53). Ayat ini merujuk perihal nafsu yang bertanggungjawab mendorong manusia melakukan perbuatan maksiat, tercela, kejahatan dan membawa kepada kemiskinan rohani. Oleh sebab itu, manusia diberi ingatan agar sentiasa berwaspada dengan godaan nafsu hayawaniyah, namun begitu manusia yang berjaya menepis godaan nafsu akan berjaya memandu diri kepada sifat-sifat mahmudah dan dirahmati Allah S.W.T..

Dalam hal ini, Kadir dan Samson adalah mewakili anak-anak muda yang gagal mengawal nafsu syahwat menyebabkan berlaku keruntuhan moral. Natijahnya Rahim dan Midah berhadapan dengan konflik apabila Tuan Dollah dan Kesum menuntut ganti rugi atas perbuatan Kadir mengucup Rohana. Namun di pihak Kadir, beranggapan perbuatannya adalah perkara biasa yang dilakukan oleh anak-anak muda zaman moden.

KADIR : Ala, cuma *good night kiss* saja mak. Tak luak apa-apa pun.
(*Ayam Jantan, Ayam Betina, 1974:193*)

Perbuatan Kadir adalah cerminan penolakan nilai agama Islam yang membataskan perhubungan antara lelaki dan perempuan. Budaya berkucupan adalah hasil pengaruh budaya modenisasi Barat sebagai cara mempamerkan kasih sayang kepada umum tanpa memikirkan

pandangan masyarakat. Bidin Subari sebenarnya mempersendakan kebejatan pemikiran orang Melayu yang menyamakan nilai maruah anak gadis dengan wang ringgit. Sebagaimana yang dilakukan oleh Tuan Dollah dan Kesum meminta ganti rugi atas perbuatan Kadir, malah mereka sanggup menolak Kadir sebagai menantu semata-mata kerana perbezaan status, sedangkan langkah yang terbaik adalah menikahkan Kadir dan Rohana demi mengelakkan perbuatan maksiat berterusan.

Kegagalan mengawal adab diri turut berlaku terhadap watak Samson. Samson merupakan anak kepada Tuan Mansur yang pada awalnya menentang hubungan Samson dan Ani kerana perbezaan status dan darjat tetapi atas dasar kasih sayang Tuan Mansur tidak ingin lagi mengamalkan diskriminasi dalam hubungan percintaan anaknya. Tuan Mansur dengan rendah diri menemui Rahim dan Midah untuk menyampaikan hajatnya menyatukan Ani dan Samson sebelum Samson ke Amerika melanjutkan pelajaran, niat murninya disambut baik oleh Rahim dan Midah.

Kemunculan Ani dengan tangisan menyebabkan konflik baharu muncul, Ani kesal dengan sikap Samson yang ingin 'mencuba' dirinya sebelum hari pernikahan. Perkara itu menimbulkan kemarahan Rahim, Midah dan Tuan Mansur, malangnya bagi Samson perbuatan 'mencuba' itu perkara kecil dan biasa dalam zaman yang mengejar kemajuan dan kemodenan. Bagi Samson, menolak budaya 'mencuba' itu samalah seperti manusia yang berfikiran kolot dan mundur.

SAMSON: Kau yang tak tahu hendak menilai kemajuan hidup sekarang. Kau masih kolot. Masih memegang sikap lama. Kau tak bersedia mengikut arus zaman.

ANI: (*Marah*) Jadi kau menilai dengan akuan suami isteri? Aku mesti menyerahkan kehormatan diri untuk kau menikmatinya? (*kepada emaknya*) Dia nak mencuba Ani mak!

(*Ayam Jantan, Ayam Betina, 1974: 254*)

SAMSON: Apa salahnya. Kalau dapat sekarang dengan dapat sesudah bersanding nanti, serupa sahaja. Saya ingin satu kebebasan yang lebih luas.

(*Ayam Jantan, Ayam Betina, 1974: 255*)

Perbuatan Samson adalah lambang kepada dasar buka pintu seluas-luasnya kepada pemikiran Barat yang memandang seks sebagai sesuatu yang perlu dinikmati tanpa batasan, malah nilai agama dijadikan alasan mengekang kebebasan dalam melakukan apa sahaja perkara. Samson melakukan pelanggaran adab diri dengan membiarkan nafsu hayawaniyah bermaharajalela di hati dan fikiran. Dalam hal ini berlaku kezaliman dalam diri Samson kerana gagal mengawal nafsu syahwat sehingga membawa kepada kejahilan fikiran. Kejahilan Samson itu juga hampir mengheret Ani ke lembah maksiat dan perzinaan. Mungkin sahaja ini kesan liberalisasi yang dibawa arus modenisasi yang memberi impak negatif dalam kalangan masyarakat terutamanya apabila ia menjadi sumber kekeliruan fahaman dan kebejatan akhlak generasi hari ini (Hashim Musa et al., 2012: 163-182).

KESIMPULAN

Perkara paling besar dalam hidup insani adalah pemupukan adab, hampir keseluruhan hidup manusia menuntut penzahiran adab yang dirahmati Allah S.W.T. Pengabaian dan pelanggaran

terhadap konsep-konsep adab menyebabkan insan sering menzalimi diri sendiri kerana diri akali tidak berupaya menguasai diri hayawani yang menjurus kepada dua perkara iaitu kemarahan dan nafsu syahwat. Oleh itu, drama *Ayam Jantan Ayam Betina* telah memperlihatkan secara implisit dan eksplisit kebejatan adab dan kejahatan fikrah watak-watak tua dan muda yang terlalu menurut tuntutan kemarahan dan godaan nafsu syahwat. Pelbagai konflik yang tercipta dalam teks *Ayam Jantan Ayam Betina* ini adalah hasil kegagalan mengawal diri hayawani sekali gus berlaku penolakan terhadap nilai agama dan nilai tradisi bangsa Melayu. Pembaca tidak akan menemui jiwa Islam dan nilai tradisi Melayu dalam diri watak-watak yang berkonflik, melainkan hanya kepada nama watak-watak yang berbunyi kemelayuan. Dalam hal ini, Bidin Subari dengan sengaja membuka satu ranah untuk dibincangkan sepanjang zaman iaitu lantaran penerimaan melulu terhadap pemikiran dan budaya modenisasi menyebabkan kerosakan adab generasi muda. Keadaan akan menjadi kritikal sekiranya tidak ditangani dengan serius oleh generasi tua. Penolakan terhadap ilmu juga penyumbang kepada pencairan akhlak remaja, apabila nilai ilmu tidak lagi dititik beratkan maka akan berlaku kelemahan jiwa dan fikrah dalam diri generasi muda. Hakikatnya adab ibarat khazanah berharga yang bakal diwarisi oleh setiap generasi. Kesenambungan keutuhan adab itulah yang bakal membentuk jati diri bangsa Melayu waima arus kemodenan melanda dengan rakus.

RUJUKAN

- Abdul A'la Maududi. 1984. *Kemerosotan Ummat Islam dan Upaya Kebangkitannya*. Bandung: Penerbit Pustaka.
- Bidin Subari. 1974. *Ayam Jantan Ayam Betina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Hj Musa et. al. 2012. Hati Budi Melayu. Kajian Keperibadian Sosial Melayu ke Arah Penjanaan Melayu Gemilang. *GEMA Online*, 12 (1):163-182.
- Hamka. 2015. *Tafsir al-Azhar*. Jakarta: Gema Insani.
- Ismail Abdullah. 2009. *Penjajahan, Imperialisme dan Harga diri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mas Rynna Wati Ahmad. 2015. Journey to Absolute Happiness in Dinsman's Absurd Play *It Is Not A Suicide*. *E-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, Special Issue (1): 177-185.
- Mas Rynna Wati Ahmad. 2016. Searching for Absoulte Happiness in Dinsman's *It Is Not A Suicide*. *PERTANIKA Journal of Social Science and Humanities*, 24 (S):35-48.
- Nor Asma Ab Aziz dan Norizam Jamian. (2016). Akhlak Pemimpin dalam *Hikayat Iskandar Zulkarnain: Suatu Analisis Pendekatan Adab*. *Jurnal Melayu*, 15 (1):50-66.
- Sheikh Abdullah Basmeih. 2002. *Tafsir Al-Quran, Surah Yusuf*. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Syed Naquib Al-Attas. 2001. *Prolegomena to The Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Syed Naquib Al-Attas. 1993. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and civilization (ISTAC).
- Syed Naquib Al-Attas. 1994. *The Degrees of Existence*. Kuala Lumpur: International Islamic of Thought and Civilization (ISTAC).
- Wan Abdul Kadir. 2007. *Masyarakat dan Budaya Melayu, Tradisi dan Perubahan*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu.

Wan Mohd. Nor Wan Daud, 2013. "Islamization of Contemporary Knowledge and the Role of the University in the Context of De-Westernization and Decolonization". Professorial Inaugural Lecture Series. Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia, Jun.

Biodata Penulis:

Roziyah Adama

Penulis merupakan mantan pensyarah di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan, Kuala Lumpur. Beliau kini menetap di Beijing, China dan mengajar subjek Bahasa Melayu di Beijing Foreign Studies University.

Mas Rynna Wati Ahmad

Penulis merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Penyelidikan Bitara Melayu (BAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau adalah falsafah dan pemikiran dalam teater dan kesusasteraan Melayu dalam Bahasa Inggeris.